

Headline	Kenang kunjungan 2 pemimpin		
MediaTitle	Harian Metro		
Date	25 Apr 2014	Color	Full Color
Section	Setempat	Circulation	407,786
Page No	23	Readership	3,351,000
Language	Malay	ArticleSize	218 cm <sup>2</sup>
Journalist	Mohd Helmi Irwadi Mohd Nor	AdValue	RM 8,051
Frequency	Daily	PR Value	RM 24,154



# Kenang kunjungan 2 pemimpin

## ■ FELDA LB Johnson membangun sejak 1996

Oleh Mohd Helmi  
Irwadi Mohd Nor

**“K** alau dulu (1966), penduduk kampung ini susah kerana ketika kelapa sawit murah selain pendapatan tidak seberapa bagi menanggung isteri dan anak ramai.

“Namun, syukurlah kerana perubahan masa menyaksikan negara sudah maju, FELDA diberi pelbagai kemudahan, malah pendapatan juga bertambah,” kata Pengerusi Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung (JKKK) LB Johnson Razi Adam, 65.

Beliau berkongsi perubahan dialami kampung jaggannya itu selepas bekas Presiden Amerika Syarikat (AS) ke-36, Lyndon B Johnson mengadakan lawatan ke Tanah Rancangan FELDA LB

Johnson pada 1966 atas jemputan Perdana Menteri ketika itu Allahyarham Abdul Razak Tun Hussein.

Razi berkata, selepas kehadiran Johnson ke kampung itu yang asalnya dikenali Kampung Labu Jaya, kawasan itu kini mengalami banyak perubahan dan pembangunan.

“Tun Abdul Razak mengiktiraf kampung ini sebagai FELDA LB Johnson dan penduduk memiliki pekerjaan dengan bersusah payah menanam sawit dan getah,” katanya.

Katanya, masa silih berganti menyaksikan kampung itu kini memiliki banyak kemudahan seperti sekolah rendah, politeknik, sekolah berasrama penuh,

dewan orang ramai, klinik kesihatan, gelanggang sukan, kedai dan banyak lagi.

“Bagaimanapun, pada 1997 peneroka di sini menjual tanah kepada Tabung Haji dan kampung ini sekarang bukan lagi FELDA,” katanya yang menyokong cadangan pengasas Persatuan Belia Kampung Labu Jaya, Norman Mohd Nor, 68, supaya muzium khas diwujudkan di kampung itu.

Razi melahirkan kebanggaan apabila sejak Kampung LB Johnson ditubuhkan, lebih 50 pemimpin terkenal dari dalam dan luar negara hadir melawat kawasan itu.

Headline	Kenang kunjungan 2 pemimpin		
MediaTitle	Harian Metro		
Date	25 Apr 2014	Color	Full Color
Section	Setempat	Circulation	407,786
Page No	23	Readership	3,351,000
Language	Malay	ArticleSize	218 cm <sup>2</sup>
Journalist	Mohd Helmi Irwadi Mohd Nor	AdValue	RM 8,051
Frequency	Daily	PR Value	RM 24,154



**"Tun Abdul Razak mengiktiraf kampung ini sebagai FELDA LB Johnson"**  
Razi Adam